



---

SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA

Kesemua 107 Menara Telekomunikasi  
Siap di bina di Johor

Johor Baharu, 04 Februari 2025 – Perkhidmatan rangkaian telefon dan capaian internet 4G yang disediakan menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) di negeri Johor akan memanfaatkan penduduk di negeri Johor sekaligus mentransformasikan kehidupan penduduk setempat dalam mengharungi era digital yang semakin pesat. Theta Telecoms Sdn Bhd anak syarikat kepada Theta Edge Berhad bersama-sama rakan-rakan strategik, antaranya Bullish Aim Sdn Bhd, Konsortium Jaringan Selangor Sdn Bhd dan TP WORKS Engineering Sdn Bhd telah dilantik bagi pembinaan 107 infrastruktur telekomunikasi berteknologi tinggi kluster 15,16,17,18,19,20 dan 21 di negeri Johor dan telah berjaya menyelesaikan kesemua pembinaan menara baharu tersebut di bawah inisiatif JENDELA fasa 1. Majlis Pemuktamadan Pembinaan 107 Menara Telekomunikasi Baharu Pelan Jendela Fasa 1 di negeri Johor adalah sebagai meraikan pencapaian 100 peratus pelaksanaan tapak Jendela Fasa 1 yang sudah siap dibina.

Penyediaan perkhidmatan akses jalur lebar yang kondusif adalah keutamaan dalam menuju ke arah era pendigitalan khususnya di negeri Johor kerana capaian Internet dapat memudahkan urusan harian rakyat, meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat setempat serta memperkuatkan keyakinan pelabur khususnya sektor perindustrian melalui pembangunan ekonomi digital. Pembinaan menara baharu ini juga akan memberi manfaat kepada penduduk setempat dari segi peningkatan capaian Internet dan komunikasi.

"Theta memahami kepentingan projek tersebut dan berharap usaha itu dapat membantu operator rangkaian mudah alih memperluaskan liputan 4G di kawasan luar bandar sekali gus memanfaatkan pengguna. Sebagai syarikat yang membangun, kami berbesar hati kerana dapat merealisasikan agenda kerajaan dalam memperluaskan kesalinghubungan digital untuk rakyat di negeri ini. Kami berbangga dapat menjadi rakan strategik bagi inisiatif ini dan

menawarkan kepakaran dalam menyediakan kemudahan infrastruktur." Kata Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Theta, Datuk Nuraslina Zainal Abidin.

Penglibatan pihak MCMC bukan sahaja memainkan peranan sebagai pengawal selia untuk projek JENDELA, tetapi juga sebagai pemudah cara untuk kita berinteraksi dan bekerjasama dengan pelbagai pihak. Inisiatif JENDELA mencerminkan komitmen Theta terhadap masa depan digital Malaysia. Dengan bekerjasama rapat dengan kerajaan dan pihak berkepentingan lain, Theta telah berjaya menyiapkan dan mempercepatkan pelaksanaan infrastruktur kritikal untuk menyokong fasa pertumbuhan seterusnya.

Theta Telecoms Sdn Bhd telah berjaya menyiapkan 221 infrastruktur telekomunikasi berteknologi tinggi untuk Fasa 1 program JENDELA ini, yang merentasi tujuh negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor. Pencapaian membanggakan ini akan dapat memajukan lagi keterhubungan digital Malaysia. Pencapaian ini turut mengukuhkan reputasi Theta sebagai rakan kongsi penyampaian yang boleh dipercayai dan mampu untuk menjayakan projek nasional yang berimpak tinggi.

\*TAMAT\*

---

Azzatullina Pawanchik | [azzatullina.pawanchik@theta-edge.com](mailto:azzatullina.pawanchik@theta-edge.com)  
Rashid Ramli | [rashid.ramli@theta-edge.com](mailto:rashid.ramli@theta-edge.com)

Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

#### **Mengenai Theta Edge Berhad**

Theta Edge Berhad ("Theta Edge Berhad") ialah salah satu Perintis Pembekal Perkhidmatan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) Malaysia dengan kehadiran pasaran melebihi daripada 30 tahun. Segmen perniagaan Kumpulan terdiri daripada Komunikasi Maklumat dan Integrasi Teknologi & Sistem, Perkhidmatan Kejuruteraan Telekomunikasi & Kerja Awam, Penyelesaian Mobiliti dan Perkhidmatan Perundingan Infrastruktur Tenaga Hijau & Alam Sekitar.

Untuk butiran lanjut, sila lawati tapak web kami [www.theta-edge.com](http://www.theta-edge.com)

